

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 16 DISEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

## Kilang punca pencemaran bau LRA Semenyih



**Pengguna mengambil bekalan dari pili air yang disediakan Air Selangor di Persiaran Setia, Subang Jaya, selepas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih melakukan henti tugas berikutan pencemaran bau di Sungai Semenyih. - NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI**

SHAH ALAM: Sebuah kilang selenggara jentera berat dipercayai menjadi punca pencemaran bau seakan diesel di muka saku Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih (Jenderam Hilir), awal pagi tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian, berkata Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menerima maklumat mengenai pencemaran itu daripada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd pada jam 8.45 pagi.

Beliau berkata, siasatan LUAS berhampiran sebuah premis kilang yang menyelenggara jentera berat mengesan pelepasan efluen mengandungi air basuhan termasuk cecair seperti minyak yang disyaki mengalir ke pembentung sebelum memasuki Sungai Semenyih.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

"LUAS sudah mengaktifkan Kod Kuning berdasarkan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air bagi siasatan secara menyeluruh.

"Inisiatif pencegahan dipertingkatkan dengan meletakkan empat beg serbuk karbon teraktif dan perangkap minyak bagi menahan sisa minyak daripada masuk ke dalam Sungai Semenyih," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Loy Sian berkata, pensampelan LUAS di kawasan titik pelepasan terbabit sudah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) bagi dianalisis.

Katanya, anggaran jarak lokasi pencemaran berkenaan adalah 1.5 kilometer (km) di hulu muka sauk Jenderam Hilir.

"Tindakan kawalan segera di tapak dalam tempoh kurang empat jam membolehkan LRA Sungai Semenyih beroperasi semula pada jam 12.30 tengah hari tadi," katanya.

Beliau berkata, LUAS turut menjalankan pemantauan statik bermula pada jam 2 petang tadi di aliran pertemuan di Sungai Semenyih.

Katanya, pensampelan ujian bau dijalankan setiap jam dan menunjukkan keadaan air sungai kelihatan normal dan bacaan bau adalah sifar (kosong) ton.

"Pemantauan rapi dari semasa ke semasa masih diteruskan oleh LUAS bersama agensi berkaitan.

"Majlis Perbandaran Sepang (MPS) turut memaklumkan premis kilang yang menyelenggara jentera berat itu akan disita dan LUAS sudah membuat laporan di Balai Polis Seksyen 15, Shah Alam.

"Sekiranya disabitkan dengan kesalahan mengikut Seksyen 79 (1) Enakmen LUAS 1999, denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta dan penjara tidak kurang tiga tahun boleh dikenakan malah surat arahan mengikut Seksyen 121(1) Enakmen yang sama dikeluarkan kepada premis berkaitan bagi pembersihan lokasi pencemaran sertamerta.

"Insiden ini berbeza dengan yang berlaku semalam membabitkan pencemaran air berbuih di Kampung Rinching Tengah, Semenyih dan berjaya ditangani oleh LUAS sebelum menjejaskan operasi LRA," katanya.